



SIARAN AKHBAR

PELANCARAN MEKAR FINTECH INNOVATION CENTRE

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah merasmikan pembukaan Mekar FinTech Innovation Centre pada hari Khamis, 12 Jamadilawal 1446 bersamaan dengan 14 November 2024.
2. Penubuhan Mekar FinTech Innovation Centre adalah projek strategik di bawah *Financial Sector Blueprint 2016-2025* dan *BDCB Strategic Plan 2021-2025*. Terletak di Bangunan iCentre, Kg Anggerek Desa, pusat ini berfungsi sebagai platform untuk perniagaan mendapatkan panduan mengenai hal-ehwal pengawalseliaan, serta untuk menggalakkan lagi tahap kerjasama dan inovasi di kalangan komuniti FinTech dengan menyediakan kemudahan ruang kerja bersama yang moden dan ruang acara khusus untuk pihak berkepentingan FinTech.
3. Acara ini, yang telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan BDCB dan pihak berkepentingan dari komuniti FinTech, dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Haji Mohd Khairul Zaki bin Haji Mohidin, Ketua FinTech di BDCB.
4. Pelancaran tersebut seterusnya telah disempurnakan oleh Yang Mulia Hajah Rokiah binti Haji Badar, Pengarah Urusan, BDCB. Acara diikuti dengan ucaptama oleh Yang Mulia Hajah Rokiah di mana beliau telah menekankan peranan Mekar FinTech Innovation Centre sebagai pemangkin untuk inovasi FinTech dengan menyediakan platform untuk pelbagai pihak berkepentingan FinTech, termasuk para usahawan, pakar industri, penyedia teknologi, ahli-ahli akademik dan pengawal selia untuk bekerjasama, memacu inovasi dan membantu pertumbuhan aktiviti FinTech di Negara Brunei Darussalam.
5. Untuk maklumat lanjut mengenai Mekar FinTech Innovation Centre, sila layari laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 17 Jamadilawal 1446 / 19 November 2024

Rujukan: BDCB/COMMS/3